- Menentukan dan mencadangkan kepada Lembaga untuk penerimaan garis panduan bagi tata-kelakuan Jurutera Profesional dan Amalan Perundingan Kejuruteraan; dan untuk mengkaji semula dan mengemas kini garis panduan tersebut.
- Membantu Lembaga dalam mendengar aduan dan menentukan hujah yang berkaitan dengan tata kelakuan profesional atau etika Jurutera berdaftar dan amalan perunding kejuruteraan.
- Mencadangkan kepada Lembaga bagi pelantikan kes Jawatankuasa Penyiasatan di mana Jawatankuasa Amalan Ikhtisas mendapati terdapat alasan prima facie untuk siasatan lanjut yang mendalam.
- Menasihati Lembaga mengenai skop dan tanggungjawab Amalan Profesional.

JAWATANKUASA TEKNOLOGI MAKLUMAT

Ahli:

1. Ir. Lee Boon Chong (Elektrikal) (Pengerusi)
2. Ir. Fam Yew Hin (Mekanikal) (Pengerusi Gantian)
3. Dato’ Prof. Ir. Dr. Othman bin A. Karim (Awam)
4. Ir. Dr. Muhamad Fuad bin Abdullah (Elektrikal)
5. Ir. Dr. Megat Zuhairy bin Megat Tajuddin (Elektrikal)
6. Ir. Dr. David Chuah Joon Huang (Komputer)
7. Ir. Abdullah bin Isnin (Awam)
8. Ir. K. Sundraraj (Awam)
9. Dr. Shaiful Jahari Hashim (Elektronik)
10. Encik Nazri bin Ahmad Zamani
11. Puan Marlina binti Maharon

9. Ir. Prem Kumar (Electrical)
10. Ir. Wong Shu Leong (Electrical)
11. Ir. Anuar bin Mohd Aris (Civil)
12. Ir. Dr. Tan Yean Chin (Civil)
13. Ir. Bashir Ahamed bin Maideen (Civil)
14. Encik Hasnan bin Abdul Hamid (Civil)
15. Representative from Polis DiRaja Malaysia

Terms of Reference:

- Assist the Board in matters pertaining to “professional conduct” and “ethics” of Registered Engineers; and these guidelines are for the use of both the Professional Practice Committee and Investigating Committee with a view to ensuring consistency in disciplinary proceedings carried out by the Board under the Registration of Engineers Act.
- Determine and recommend to the Board for acceptance the Code of Professional Conduct for Engineers; and to regularly review and update them.
- Determine and recommend to the Board for acceptance the guidelines for professional conduct of Engineers and Engineering Consultancy Practices; and to regularly review and update them.
- Assist the Board in hearing complaints and determine disputes relating to professional conduct or ethics of registered Engineers and Engineering Consultancy Practices.
- Recommend to the Board for the appointment of Investigating Committee cases where the Professional Practice Committee finds there are prima facie grounds for further in-depth investigation.
- Advise the Board on the scope of Professional Practice and responsibility.

INFORMATION TECHNOLOGY COMMITTEE

Members:

1. Ir. Lee Boon Chong (Electrical) (Chairman)
2. Ir. Fam Yew Hin (Mechanical) (Alternate Chairman)
3. Dato’ Prof. Ir. Dr. Othman bin A. Karim (Civil)
4. Ir. Dr. Muhamad Fuad bin Abdullah (Electrical)
5. Ir. Dr. Megat Zuhairy bin Megat Tajuddin (Electrical)
6. Ir. Dr. David Chuah Joon Huang (Computer)
7. Ir. Abdullah bin Isnin (Civil)
8. Ir. K. Sundraraj (Civil)
9. Dr. Shaiful Jahari Hashim (Electronic)
10. Mr. Nazri bin Ahmad Zamani
11. Ms. Marlina binti Maharon

Terma Rujukan:

- Membangun, menyelaraskan, menyelenggara, mengemaskini secara berterusan dan menambah baik kemudahan dan sistem IT di BEM.
- Bertanggungjawab memantau dan menyelenggara kemudahan dan sistem IT di BEM.
- Berperanan sebagai penasihat kepada Lembaga dan jawatankuasa lain.
- Mewakili Lembaga mengenai perkara yang berkaitan dengan IT.
- Memudahkan penyebaran dan penerimaan maklumat secara elektronik.

JAWATANKUASA PENERBITAN

Ahli:

1. Prof. Ir. Dr. Norlida binti Buniyamin (Elektrikal) (Pengerusi)
2. Datuk Ir. Amrullah bin Kamal (Awam) (Pengerusi Gantian)
3. Dato' Ir. Fong Tian Yong (Awam)
4. Dato' Ir. Ali Askar bin Sher Mohamad (Elektrikal)
5. Ir. Dr. Che Hassandi bin Abdullah (Awam)
6. Prof. Ir. Dr. K.S. Kannan (Mekanikal)
7. Assoc. Prof. Ir. Dr. Rozita binti Yusoff (Kimia)
8. Ir. Dr. Zuhairi bin Abdul Hamid (Awam)
9. Ir. Mohd Rasid bin Osman (Pembuatan)
10. Ir. Aziz bin Yahya (Mekanikal)
11. Ir. Mohd Khir bin Muhammad (Aeronautik)

Terma Rujukan:

- Menentukan identiti dan falsafah korporat BEM
- Membina imej BEM di kalangan pihak berkepentingan.
- Mempublikasikan peranan dan aktiviti-aktiviti, maklumat serta keputusan yang dibuat oleh BEM kepada orang berdaftar, pihak berkepentingan lain dan media massa.
- Mengekalkan dan menggalakkan hubungan rapat dengan semua pihak berkepentingan.
- Menyediakan draf bahan publisiti, buku maklumat, siaran media dan ucapan-ucapan serta penerbitan lain yang berkaitan, yang akan menyokong peranan BEM.
- Mencapai kualiti yang tinggi dalam pengeluaran penerbitan BEM seperti *The Ingenieur*, buku kecil dan lain-lain.
- Berusaha membiayai kos pengeluaran *The Ingenieur* dengan aktiviti pengiklanan.
- Bertukar-tukar penerbitan dengan badan-badan profesional yang lain, institusi pengajian tinggi dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan termasuk badan-badan profesional antarabangsa.

Terms of Reference:

- Develop, maintain and continuously update and improve the IT facilities and systems in BEM.
- Responsible for monitoring and maintaining IT facilities and system in BEM.
- Advisory role to the Board and other committees.
- Represent the Board on matters relating to IT.
- Facilitate collation and receiving of information electronically

PUBLICATION COMMITTEE

Members:

1. Prof. Ir. Dr. Norlida binti Buniyamin (Electrical) (Chairman)
2. Datuk Ir. Amrullah bin Kamal (Civil) (Alternate Chairman)
3. Dato' Ir. Fong Tian Yong (Civil)
4. Dato' Ir. Ali Askar bin Sher Mohamad (Electrical)
5. Ir. Dr. Che Hassandi bin Abdullah (Civil)
6. Ir. Prof. Dr. K.S. Kannan (Mechanical)
7. Assoc. Prof. Ir. Dr. Rozita binti Yusoff (Chemical)
8. Ir. Dr. Zuhairi bin Abdul Hamid (Civil)
9. Ir. Mohd Rasid bin Osman (Manufacturing)
10. Ir. Aziz bin Yahya (Mechanical)
11. Ir. Mohd Khir bin Muhammad (Aeronautical)

Terms of Reference:

- Define a corporate identity and philosophy for the BEM.
- Build up the image of the BEM among its stakeholders.
- Publicise the role and activities of, information about, and decisions made by the BEM to registered engineers, other stakeholder and mass media.
- Maintain and promote close liaison with all stakeholders.
- Prepare drafts of publicity materials, information booklets, media releases and speeches and other related publication, which will support the role of BEM.
- Achieve high quality in the production of publications of BEM such as *The Ingenieur*, booklets etc.
- Strive towards making the production of *The Ingenieur* self-financing.
- Exchange publications with other professional bodies, institutions of higher learning and related government agencies including international professional bodies.

- Mengekalkan dan mengemas kini perpustakaan BEM.
- Pusat Maklumat Depositori BEM.

JAWATANKUASA KUALITI

Ahli:

1. Ir. Gopal Narian Kutty (Mekanikal) (Pengerusi)
2. Dato' Ir. Dr. Md Nasir bin Md Noh (Awam) (Pengerusi Gantian)
3. Ir. Dr. Ahmad Anuar bin Othman (Awam)
4. Prof. Madya Ir. Dr. Abd Rahim bin Abu Talib (Aeronautik)
5. Ir. Mohd Rasid bin Osman (Pembuatan)
6. Ir. Gunasagaran a/l Kristnan (Awam)
7. Ir. Dr. Nor Azhar bin Mohd Arif (Elektronik)
8. Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd Noor (Awam)
9. Ir. Mamat Rohizan bin Abdullah (Mekanikal)
10. Ir. Zainal Abidin bin Saidun (Awam)
11. Puan Mastura binti Shaari

Terma Rujukan:

Jawatankuasa Kualiti dilantik oleh Lembaga untuk mengambil alih peranan Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan.

- Meningkatkan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) Lembaga melalui aktiviti penambahbaikan yang berterusan.
- Mengkaji semula dokumen QMS Lembaga sekurang-kurangnya sekali setahun.
- Memastikan QMS Lembaga difahami dan dilaksanakan mengikut Objektif Kualiti dalam Manual Kualiti.
- Mengkaji prestasi keseluruhan QMS Lembaga dan membuat cadangan kepada Lembaga ke arah peningkatan QMS yang berkesan.

- Maintain and update the BEM library.
- Central Information Depository of the BEM.

QUALITY COMMITTEE

Members:

1. Ir. Gopal Narian Kutty (Mechanical) (Chairman)
2. Dato' Ir. Dr. Md Nasir bin Md Noh (Civil) (Alternate Chairman)
3. Ir. Dr. Ahmad Anuar bin Othman (Civil)
4. Prof. Madya Ir. Dr. Abd Rahim bin Abu Talib (Aeronautical)
5. Ir. Mohd Rasid bin Osman (Manufacturing)
6. Ir. Gunasagaran a/l Kristnan (Civil)
7. Ir. Dr. Nor Azhar bin Mohd Arif (Electronic)
8. Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd Noor (Civil)
9. Ir. Mamat Rohizan bin Abdullah (Mechanical)
10. Ir. Zainal Abidin bin Saidun (Civil)
11. Puan Mastura binti Shaari

Terms of Reference:

Quality Committee is appointed by the Board to take over the role of Management Review Committee.

- Enhance the Board's QMS through continual improvement activities.
- Review Board's QMS documents at least once a year.
- Ensure the Board's QMS is understood and implemented as per the quality objectives in the Quality Manual.
- Review the overall performance of the Board's QMS and make recommendations to the Board for effective enhancement of the QMS.

MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN

- Memastikan Pendidikan
Kejuruteraan Berkualiti

ENGINEERING
ACCREDITATION COUNCIL

- Ensuring Quality Engineering
Education

MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN

Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) merupakan badan yang ditugaskan oleh BEM untuk pengakreditasi ijazah kejuruteraan. EAC telah ditubuhkan pada tahun 2000, merangkumi wakil-wakil daripada Lembaga Jurutera Malaysia (BEM), Institut Jurutera Malaysia (IEM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) (dahulu dikenali sebagai Lembaga Akreditasi Negara), dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Sejak penubuhannya, EAC melalui Jabatan Akreditasi Kejuruteraan (EAD) yang ditubuhkan secara rasmi pada tahun 2006, telah memastikan bahawa melalui proses akreditasi, kualiti graduan dapat dipertingkatkan. Program yang diiktiraf ini diletakkan di dalam Daftar EAC dan MQA.

Salah satu pencapaian terbesar EAC adalah kejayaan memperolehi status penandatanganan penuh *Washington Accord* (WA) untuk Malaysia (BEM) pada tahun 2009. BEM diberi lanjutan enam tahun, dengan 20 penandatanganan telah sebulat suara bersetuju menerima cadangan pasukan Kajian di Bengkel & Mesyuarat IEA 2016 yang diadakan dari 30 Mei hingga 3 Jun 2016, di Kuala Lumpur, Malaysia. Melalui pengiktirafan ini, program kejuruteraan yang diakreditasi oleh EAC kini diiktiraf oleh 20 penandatanganan WA. Program kejuruteraan yang mendapat pengakreditasi oleh EAC kini ditandaaraskan kepada standard antarabangsa yang memberi penekanan kepada kualiti program dan lulusan yang dihasilkan. EAC bertekad terus memperkuat standard akreditasi tinggi untuk menjadi pemangkin utama bagi perubahan di Malaysia dan rantau ini.

Dalam Mesyuarat IEA yang diadakan pada bulan Jun 2018 London, BEM memperolehi satu lagi pencapaian penting apabila Malaysia diterima sebagai Penandatanganan Penuh *Sydney Accord* (SA) dan *Dublin Accord* (DA)

ENGINEERING ACCREDITATION COUNCIL

Engineering Accreditation Council (EAC) is the body delegated by BEM for accreditation of engineering degree programmes. The EAC was established in 2000, comprising representatives from the Board of Engineers Malaysia (BEM), Institution of Engineers Malaysia (IEM), Malaysian Qualifications Agency (MQA) (formerly known as Lembaga Akreditasi Negara), and the Public Services Department (PSD). Since its establishment, the EAC through the Engineering Accreditation Department (EAD - established officially in 2006) has ensured that through the accreditation process, the qualities of graduates of accredited programmes enhanced. Accredited programmes are placed in the EAC and MQA registers.

One of the greatest achievements of the EAC was the successful accomplishment of the full signatory status of the *Washington Accord* (WA) for Malaysia (BEM) in 2009. The BEM was given an extension of six years, with 16 signatories unanimously agreed to accept the recommendation of the Review team in the IEA Workshop & Meeting 2016 that was held from 30th May till 3rd June 2016, in Kuala Lumpur, Malaysia. Through this recognition, EAC's accredited engineering programmes are now mutually recognised by the current 20 other signatories of WA. The EAC's accredited engineering programmes are now benchmarked to an international standard that emphasises much on the quality of the programmes and graduates produced. EAC is determined to uphold the high standard of accreditation processes to become the main catalyst for change in Malaysia and the region.

In IEA Meeting held in June 2018 London, BEM marks another major milestone with Malaysia being admitted as Full Signatory in the *Sydney Accord* (SA) and *Dublin Accord* (DA).

Sumbangan secara langsung kepada kepentingan negara Malaysia ini, di mana melalui standard pendidikan yang dipertingkatkan, sistem pendidikan negara ini kini bertaraf dunia, setanding dengan banyak negara maju di dunia. Ini telah meyakinkan dan menarik banyak universiti asing untuk membuka kampus cawangan di Malaysia, dengan secara tidak langsung, membantu mempercepatkan Malaysia menjadi hab pendidikan kejuruteraan antarabangsa.

Peranan BEM dalam IEA dan WA sangat penting. BEM telah mencapai pengiktirafan berikut:

- Perikatan Kejuruteraan Antarabangsa (IEA) telah melantik LJM-EAC sebagai WA Nominator untuk majlis bagi Peraturan Kejuruteraan di Nigeria (COREN) dan majlis Kejuruteraan Myanmar untuk membantu mereka mencapai keahlian penandatanganan sementara WA.
- EAC telah membantu Lembaga Pendidikan Kejuruteraan Akreditasi Thailand (TABEE) dalam proses akreditasi mereka pada tahun 2018
- EAC telah membantu Sri Lanka dalam latihan penilai akreditasi dan kakitangan dari Institusi Pengajian Tinggi (IHL).
- EAC turut mengambil bahagian dalam lawatan semula WA untuk Lembaga Akreditasi Jepun untuk Pendidikan Kejuruteraan (JABEE), Tokyo Japan pada tahun 2017.
- EAC juga terlibat dan menyumbang kepada dua kumpulan kerja baru IEA yang ditetapkan sebagai Kumpulan Kerja - Penjelasan Isu dalam Perjanjian Pendidikan dan Terbitan Mengenai Keanggotaan Permuafakatan Semasa *Single-Track*.

Penglibatan dalam badan WA, NABEEA, Eropah dan lain-lain (seperti CTI Perancis), telah meningkatkan reputasi BEM ke arah pengukuhan pengiktirafan antarabangsanya

Cabaran-cabaran Malaysia seterusnya adalah bagi memenuhi standard antarabangsa. EAC telah menubuhkan pelan tindakan strategik dan sasaran untuk memastikan EAC memenuhi cabaran ini.

EAC kini beroperasi di bawah belanjawannya sendiri yang diperolehi daripada yuran akreditasi yang dibayar oleh institusi pengajian tinggi (IHL), sokongan berterusan BEM.

This contribution serves the national interest of Malaysia, where through enhanced education standard, the country's education system is now at a world class standard on par with many advanced countries in the world. This has attracted many foreign universities in opening up branch campuses in Malaysia with confidence, thus helping to expedite Malaysia in becoming an international hub of engineering education.

BEM's role in the IEA and WA has been significant. BEM has achieved the following recognitions:

- The international Engineering Alliance (IEA) has appointed BEM-EAC as the WA Nominator for council for the Regulation of Engineering in Nigeria (COREN) and Myanmar Engineering Council to help them achieve provisional signatory memberships of the WA.
- EAC has helped Thailand Accreditation Board of Engineering Education (TABEE) in observing their accreditation process in 2018
- EAC has helped Sri Lanka in training their accreditation evaluators and staff from Institutions of Higher Learning (IHL).
- EAC has also participated in the WA review visit for Japan Accreditation Board for Engineering Education (JABEE), Tokyo Japan in 2017.
- EAC has also involved and contributed to IEA two new working groups serves - Clarification of Issues in the Educational Accords and Issues Concerning the Current Single-Track Accord Membership.

The involvement in the WA, NABEEA, European and other bodies (such as CTI of France), has enhanced BEM's reputation towards strengthening its international recognition.

The challenges that remain ahead for Malaysia are to keep abreast with the international standards and expectations. EAC has established strategic, action plans and targets to ensure that EAC meets these challenges.

EAC is currently operating under its own budget obtained from accreditation fee paid by institution of higher learnings (IHLs), continuous support of the BEM.


Operasi EAC disokong oleh cabang pentadbirannya, Jabatan Akreditasi (AD) yang terdiri daripada seorang Pengarah, enam Pengarah Bersekutu (mengikut disiplin kejuruteraan) dan sekretariat. Sebuah Panel Perundingan Akreditasi (ACP) telah ditubuhkan dengan peranan sebagai badan penasihat kepada AD dalam hal-hal yang berkaitan dengan arahan dan pelaksanaan visi, misi dan perancangan strategik EAC dan ETAC. Jabatan ini juga disokong oleh pasukan petugas dan jawatankuasa yang mengawasi pembangunan manual akreditasi, perubahan budaya berasaskan hasil di institusi pengajian tinggi, jaminan kualiti dan hal ehwal antarabangsa.

Pejabat Jabatan Akreditasi (AD) di Kelana Jaya telah diubahsuai pada bulan Februari 2018 dan dirasmikan pada 21 November 2018 oleh Presiden BEM. Sayap utara memuatkan ruang pejabat AD manakala sayap selatan memuatkan bilik mesyuarat majlis dan bilik latihan. Dengan jumlah kapasiti 55 orang untuk latihan, AD telah merancang untuk menjalankan pelbagai latihan dan bengkel setiap bulan untuk memanfaatkan sepenuhnya kemudahan tersebut. Ini akan mengurangkan perbelanjaan operasi dan meningkatkan hasil kerana latihan dijalankan secara dalaman.

The operation of EAC is supported by its administrative arm, the Accreditation Department (AD). The set up includes a Director, six engineering clusters of Associate Directors and a secretariat. An Accreditation Consultative Panel (ACP) has been established with the role as an advisory body to AD in matters pertaining to the direction and execution of the EAC's and ETAC's vision, mission and strategic planning. The Department is also supported by a task force and its committees that oversee the development of accreditation manuals, the outcome-based culture change at institutions of higher learning, quality assurance and international affairs.

The renovation of Accreditation Department (AD) office at Kelana Jaya was completed in February 2018 and officiated on 21 November 2018 by the BEM President. The AD now has a wing for its office (North wing) and another for Council meeting room and training rooms (South wing). With a total capacity of 55 persons for training, the AD planned to conduct various trainings and workshops every month to fully utilise the facilities. This will further reduce operating expenses and increase revenue as trainings will be done in house.

CARTA ORGANISASI EAC EAC Organisation Chart



Ahli:

BEM

1. Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd Noor (Awam) - (Pengerusi)
2. Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin (Awam)
3. Datuk (Dr) Ir. Abdul Rahim bin Hashim (Elektrikal)
4. Dato' Prof. Ir. Dr. Hassan bin Basri (Awam)
5. Ir. Prof. Dr. K.S. Kannan (Mekanikal)
6. Ir. Rocky Wong Hon Thang (Elektrikal)

INDUSTRI

7. Datuk Wira Ir. Md Sidek bin Ahmad (Elektrikal)
8. Tan Sri Dato' (Dr) Ir. Jamilus bin Hussein (Awam)
9. Ir. Dr. Shahrudin bin Muslimin (Elektrikal)

IEM

10. Ir. Lee Boon Chong (Elektrikal) - (Timbalan Pengerusi)
11. Ir. Ong Ching Loon (Mekanikal)
12. Ir. Prof. Dr. Mohd Ali Hashim (Kimia)
13. Dato' Ir. Prof. Dr. Chuah Hean Teik (Elektrikal)
14. Ir. Prof. Dr. Zainal Abidin Ahmad (Elektronik)
15. Ir. Jayaseelan Nadarajah (Mekanikal)

JPA

16. Puan Durratul Ain binti Hj Yaacob
Puan Noorfaizah binti Asmuni
(Wakil Ganti)

MQA

17. Muhamad Amran Zainal Abidin
18. Encik Mohd Ishak bin Mohd Hussaini (Wakil Pengganti)

Terma Rujukan:

1. Menggubal dan mengemaskini dasar dan kriteria akreditasi.
2. Meluluskan garis panduan terperinci dan prosedur operasi pengakreditasi.
3. Mengawasi semua urusan operasi, dan melantik ahli-ahli Panel Penilai.
4. Menerima laporan penilaian program-program kejuruteraan dan membuat keputusan sama ada akreditasi patut diberi atau sebaliknya.
5. Mewujudkan dan menyenggara senarai program kejuruteraan tempatan dan luar negara yang diiktiraf.

Members:

BEM

1. Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd Noor (Civil) - (Chairman)
2. Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin (Civil)
3. Datuk (Dr) Ir. Abdul Rahim bin Hashim (Electrical)
4. Dato' Prof. Ir. Dr. Hassan bin Basri Civil)
5. Ir. Prof. Dr. K.S. Kannan (Mechanical)
6. Ir. Rocky Wong Hon Thang (Electrical)

INDUSTRY

7. Datuk Wira Ir. Md Sidek bin Ahmad (Electrical)
8. Tan Sri Dato' (Dr) Ir. Jamilus bin Hussein (Civil)
9. Ir. Dr. Shahrudin bin Muslimin (Electrical)

IEM

10. Ir. Lee Boon Chong (Electrical) - (Deputy Chairman)
11. Ir. Ong Ching Loon (Mechanical)
12. Ir. Prof. Dr. Mohd Ali Hashim (Chemical)
13. Dato' Ir. Prof. Dr. Chuah Hean Teik (Electrical)
14. Ir. Prof. Dr. Zainal Abidin Ahmad (Electronic)
15. Ir. Jayaseelan Nadarajah (Mechanical)

JPA

16. Puan Durratul Ain binti Hj Yaacob
Puan Noorfaizah binti Asmuni
(Alternate Representative)

MQA

17. Muhamad Amran Zainal Abidin
18. Encik Mohd Ishak bin Mohd Hussaini (Alternate Representative)

Terms of Reference:

1. Formulate and update the accreditation policies and criteria.
2. Approve detailed guidelines and operating procedures for accreditation.
3. Oversee all operational arrangements, and appoint members of the Evaluation Panel.
4. Receive evaluation report on engineering programmes, and decide whether accreditation should be granted or otherwise.
5. Establish and maintain a list of local and foreign accredited engineering programmes.

6. Memberi maklumbalas terhadap sebarang aduan atau rayuan mengenai proses akreditasi dan apa-apa cadangan untuk perubahan.
7. Menyelia pembangunan dan operasi akreditasi dan pengiktirafan bersama program dengan negara-negara lain.
8. Memastikan Ahli Lembaga sentiasa dimaklumkan mengenai aktiviti EAC dan jika perlu, membuat cadangan kepada Lembaga.
9. Mengalakkan penyebaran perkembangan dan amalan terbaik dalam pendidikan kejuruteraan.
10. Menasihati Lembaga ke atas pernyataan awam atau representasi yang perlu dibuat berhubung dengan pendidikan kejuruteraan.
11. Mengadakan mesyuarat perundingan dengan IPT bila perlu.
12. Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya enam kali setahun.

6. Respond to any complaints or appeals concerning the accreditation process and to any proposals for change.
7. Oversee the development and operation of accreditation and mutual recognition of programmes with other countries.
8. Keep the Board informed of the activities of EAC and where necessary, make recommendations to the Board.
9. Foster the dissemination of developments and best practices in engineering education.
10. Advise the Board on public statements or representations that should be made in relation to engineering education.
11. Hold consultation meetings with IHLs as and when necessary.
12. Hold meetings at least 6 times per year.

OBJEKTIF AKREDITASI

Objektif akreditasi adalah untuk memastikan graduan daripada program kejuruteraan yang diiktiraf memenuhi keperluan akademik minimum untuk pendaftaran sebagai jurutera siswazah dengan BEM.

Di samping itu, objektif akreditasi adalah untuk memastikan bahawa Peningkatan Kualiti Berterusan (CQI) diamalkan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT). Akreditasi juga boleh berfungsi sebagai alat penanda aras program kejuruteraan yang ditawarkan oleh IPT di Malaysia.

EAD menguruskan proses permohonan untuk kelulusan dan akreditasi program kejuruteraan. Pengakreditasi adalah secara sukarela; walau bagaimanapun program kejuruteraan perlu diiktiraf bagi membolehkan graduan program-program ini didaftarkan dengan BEM.

STRATEGI

- Meningkatkan sistem pengurusan akreditasi
- Meningkatkan penglibatan antarabangsa.
- Menggalakkan jaringan dengan kakitangan pengurusan / utama.
- Mengekalkan panel penilai yang berpengalaman dalam bidang yang berkaitan.
- Mewujudkan panel penilai utama untuk penglibatan antarabangsa.
- Khidmat sokongan sekretariat.

ACCREDITATION OBJECTIVE

The objective of accreditation is to ensure that graduates of the accredited engineering programmes satisfy the minimum academic requirements for registration as a graduate engineer with the BEM.

In addition, the objective of accreditation is to ensure that Continual Quality Improvement (CQI) is being practiced by IHLs. Accreditation may also serve as a tool to benchmark engineering programmes offered by IHLs in Malaysia.

The EAD manages the process of applications for approval and accreditation of engineering programmes. Accreditation is voluntary; however engineering programmes need to be accredited in order for the graduates of these programmes to be registered with the BEM.

STRATEGIES

- Enhance accreditation management system
- Enhance international involvement
- Promote networking with top management / key personnel
- Sustain experienced evaluators in relevant disciplines
- Establish panel of leading evaluators for international involvement
- Sustain the secretariat

MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

ENGINEERING TECHNOLOGY ACCREDITATION COUNCIL

MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN

Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC) merupakan badan yang diwakilkan oleh Lembaga Jurutera Malaysia (LJM). ETAC bermula sebagai Majlis Protém pada tahun 2011 untuk menyediakan peralihan lancar pengakreditasi program pendidikan Teknologi Kejuruteraan dan Juruteknik Kejuruteraan. Protém ETAC memberi tumpuan kepada program pendidikan berasaskan *Sydney Accord* dan memperoleh kelulusan Manual Akreditasi Teknologi Kejuruteraan yang pertama pada tahun 2015.

Dengan pindaan kepada Akta Pendaftaran Jurutera 1967 pada tahun 2015, LJM telah menubuhkan ETAC dengan Ahli Jawatankuasa seramai 21 ahli majlis yang terdiri daripada tujuh kumpulan (wakil LJM, persatuan berasaskan pendidikan, industri / majikan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian dan wakil awam) sebagai satu-satunya badan akreditasi yang diiktiraf untuk ijazah teknologi kejuruteraan, diploma kejuruteraan dan program diploma teknologi kejuruteraan yang ditawarkan di Malaysia.

Daripada 21 anggota ETAC, lebih daripada 50% daripada mereka adalah wakil dari pelbagai bidang industri kejuruteraan. LJM percaya bahawa gabungan ahli yang baik dari latar belakang yang berlainan; pengamal, ahli akademik, agensi kerajaan dan masyarakat terpelajar akan memberikan kekuatan dan keseimbangan kepada Majlis untuk melaksanakan peranan dan fungsi mereka.

Operasi ETAC disokong oleh cabang pentadbirannya, Jabatan Akreditasi (AD) yang terdiri daripada seorang Pengarah, empat kumpulan pengarah bersekutu dan sekretariat.

Panel Perundingan Akreditasi (ACP) telah ditubuhkan berperanan sebagai badan penasihat kepada AD dalam hal-hal yang berkaitan dengan arahan dan pelaksanaan visi,

ENGINEERING TECHNOLOGY ACCREDITATION COUNCIL

The Engineering Technology Accreditation Council (ETAC) is a delegated body by the Board of Engineers Malaysia (BEM). ETAC started as a Protém Council in 2011 in order to provide a smooth transition in the accreditation of Engineering Technology and Engineering Technician education programmes. The Protém ETAC initially focused on the Sydney Accord based education programmes, and obtained the approval of its inaugural Engineering Technology Accreditation Manual by the BEM in 2015.

With the 2015 amendment to the Registration of Engineers Act 1967, the BEM established a 21-member-council ETAC, comprising the seven groupings (BEM, learned bodies, industry/ employer, Public Services Department (PSD), Malaysian Qualification Agency (MQA), Ministry, and public representatives) in 2015 as the only recognized accrediting body for engineering technology bachelor degree, engineering diploma and engineering technology diploma programmes offered in Malaysia.

Out of the 21 members of the ETAC, more than 50% of them are representatives from various fields of engineering industry. The BEM believes that a good mixture of members from different background; practitioners, academics, related government agencies and learned societies will provide strength and balance for the council to exercise its role and function.

The operation of ETAC is supported by its administrative arm, the Accreditation Department (AD). The set up includes a director, four groups of associate directors and a secretariat.

An Accreditation Consultative Panel (ACP) has been established with the role as an advisory body to AD in matters pertaining to the direction and execution of the EAC's and ETAC's vision,

mission and strategic planning. The Department is also supported by a task force and its committees that oversee the development of accreditation manuals, the outcome-based culture change at institutions of higher learning, quality assurance and international affairs.

The ETAC was instrumental in ensuring Malaysia's ETAC accredited engineering technology bachelors' degree, engineering diploma and engineering technology diploma programmes are substantially equivalent to the engineering technology qualifications degrees of the signatories of the Sydney Accord and Dublin Accord.


The ETAC began its accreditation in 2016. The cut-off dates for the transfer of authority from MQA to BEM to conduct accreditation of engineering technology degree programmes was 1st January 2017, while for engineering technician programmes beginning 1st February 2018.


PELAN STRATEGIK ETAC

E	Eminence Mencapai pengiktirafan dalam pendidikan teknologi kejuruteraan
T	Technology Menuju tahap kecemerlangan yang tertinggi dalam pendidikan teknologi kejuruteraan
A	Accelerate Mengiktiraf usaha yang mempercepatkan program pendidikan teknologi kejuruteraan
C	Core Values Meningkatkan dan memupuk piawaian profesionalisme, standard dan integriti yang tinggi.

ETAC STRATEGIC PLAN

E	Eminence Driving towards achieving recognition in engineering technology education
T	Technology Aim for the highest levels of excellence in engineering technology education
A	Accelerate Recognising efforts that accelerate the engineering technology education programme
C	Core Values Uplift and fostering high standards of professionalism, standard and integrity





Ahli:

BEM

1. Datuk Wira Ir. Md Sidek bin Ahmad (Elektrikal) – (Pengerusi)
2. Prof. Ir. Dr. Norlida binti Buniyamin (Timbalan Pengerusi)
3. Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin
4. Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd Noor
5. YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Hassan bin Basri
6. Prof. Dr. Wahid bin Razzaly
7. Puan Zainab binti Ahmad

PERSATUAN BERASASKAN PENDIDIKAN

1. Ir. Rocky Wong Hon Thang (MySET)
2. Dato' Prof. Dr. Ts. Abdul Hakim bin Juri (MySET)
3. Ir. Dr. Leong Wai Yie (IEM)
4. Ir. Yam Teong Sian (TAM)
5. En. Wan Hishamrudin bin Wan Ahmad Kaspi (COWAM)

KEMENTERIAN BERKAITAN

1. Dr. Mohd Rashid Buyong Hamzah (MOHR)
2. Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis Saad (Wakil ganti - MOHE)
3. Puan Durratul Ain binti Hj Yaacob (JPA)

Members:

BEM

1. Datuk Wira Ir. Md Sidek bin Ahmad (Electrical) – (Chairman)
2. Prof. Ir. Dr. Norlida binti Buniyamin (Deputy Chairman)
3. Dato' Ir. Abdul Rashid bin Maidin
4. Prof. Ir. Megat Johari bin Megat Mohd Noor
5. YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Hassan bin Basri
6. Prof. Dr. Wahid bin Razzaly
7. Puan Zainab binti Ahmad

LEARNED SOCIETY

1. Ir. Rocky Wong Hon Thang (MySET)
2. Dato' Prof. Dr. Ts. Abdul Hakim bin Juri (MySET)
3. Ir. Dr. Leong Wai Yie (IEM)
4. Ir. Yam Teong Sian (TAM)
5. En. Wan Hishamrudin bin Wan Ahmad Kaspi (COWAM)

RELATED MINISTRY

1. Dr. Mohd Rashid Buyong Hamzah (MOHR)
2. Prof. Madya Dr. Wan Zuhainis Saad (Wakil ganti - MOHE)
3. Puan Durratul Ain binti Hj Yaacob (JPA)

AGENSI KERAJAAN BERKAITAN

1. En. Muhamad Amran Zainal Abidin (MQA)

INDUSTRI

1. Wan Nazmy bin Wan Mahmood (TNB)
2. Tuan Hj. Khairol Anuar bin Shukri (PETRONAS)
3. Ir. Kua Jit How (FMM)
4. En. Fairos bin Idrus (Telekom)

WAKIL AWAM

Dato' Hj. Imran bin Idris

Terma Rujukan:

- Merangka dan mengemaskini polisi dan kriteria akreditasi.
- Meluluskan garis panduan terperinci dan prosedur operasi untuk akreditasi.
- Mengawasi semua penyusunan operasi dan perlantikan ahli Panel Penilai.
- Menerima laporan penilaian program teknologi kejuruteraan dan juruteknik kejuruteraan dan memutuskan sama ada akreditasi perlu diberikan atau sebaliknya.
- Mewujudkan dan menyenggara senarai program teknologi kejuruteraan dan juruteknik kejuruteraan tempatan dan asing yang diiktiraf.
- Memberi maklumbalas terhadap sebarang aduan atau rayuan mengenai proses akreditasi dan sebarang cadangan perubahan.
- Mengawasi pembangunan dan operasi pengakreditasi serta pengiktirafan bersama program kejuruteraan dengan negara lain.
- Memastikan Lembaga dimaklumkan mengenai aktiviti-aktiviti ETAC dan jika perlu, membuat cadangan kepada Ahli Lembaga.
- Mengukuhkan penyebaran perkembangan dan amalan terbaik dalam bidang teknologi kejuruteraan dan pendidikan juruteknik kejuruteraan.
- Menasihati Lembaga mengenai pernyataan awam atau representasi yang perlu dibuat berhubung pendidikan teknologi kejuruteraan.
- Mengadakan mesyuarat perundingan dengan IPT bila perlu.
- Mengadakan mesyuarat sekurang-kurangnya 6 kali setahun.
- Memperluas Manual ETAC sedia ada untuk meliputi program diploma juruteknik kejuruteraan.
- Mencadangkan ahli ETAC tambahan jika perlu.

RELATED GOVERNMENT AGENCY

1. En. Muhamad Amran Zainal Abidin (MQA)

INDUSTRY

1. Wan Nazmy bin Wan Mahmood (TNB)
2. Tuan Hj. Khairol Anuar bin Shukri (PETRONAS)
3. Ir. Kua Jit How (FMM)
4. En. Fairos bin Idrus (Telekom)

PUBLIC REPRESENTATIVE

Dato' Hj. Imran bin Idris

Terms of Reference:

- Formulate and update the accreditation policies and criteria.
- Approve detailed guidelines and operating procedures for accreditation.
- Oversee all operational arrangements, and appoint members of the Evaluation Panel.
- Receive evaluation report on engineering technology and engineering technician programmes, and decide whether accreditation should be granted or otherwise.
- Establish and maintain a list of local and foreign accredited engineering technology and engineering technician programmes.
- Respond to any complaints or appeals concerning the accreditation process and to any proposals for change.
- Oversee the development and operation of accreditation and mutual recognition of programmes with other countries.
- Keep the Board informed of the activities of ETAC and where necessary make recommendations to the Board.
- Foster the dissemination of developments and best practices in engineering technology and engineering technician education.
- Advise the Board on public statements or representations that should be made in relation to engineering technology education.
- Hold consultation meetings with IHLs as and when necessary.
- Hold meetings at least 6 times per year.
- Expand the existing ETAC Manual so as to cover diploma programmes for engineering technician.
- Propose additional ETAC members if necessary.

MENGAWALSELIA TATA KELAKUAN ORANG BERDAFTAR

REGULATING CODE OF CONDUCT FOR REGISTERED PERSON

Fungsi-fungsi Lembaga di bawah Seksyen 4 Akta Pendaftaran Jurutera (REA) 1967 antara lain adalah:

- (a) untuk mendengar dan menentukan pertikaian yang berkaitan dengan tata kelakuan profesional atau etika orang berdaftar atau melantik suatu jawatankuasa atau penimbang tara atau penimbang tara-penimbang tara untuk mendengar dan menentukan pertikaian tersebut.

Di bawah kuasa itu, Lembaga telah menubuhkan:

- (i) Jawatankuasa Penyiasatan (IC) di bawah Seksyen 24B,
- (ii) Jawatankuasa Tatatertib (DC) di bawah Seksyen 14A dan
- (iii) Sebuah Lembaga Rayuan di bawah Seksyen 20, REA.

Jawatankuasa Penyiasatan (IC)

Bagi setiap kes aduan Prima Facie yang diterima oleh Lembaga, sebuah IC akan ditubuhkan terdiri daripada seorang Pengerusi yang merupakan seorang Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan (PEPC) dan dua orang ahli, seorang daripadanya hendaklah merupakan seorang PEPC.

Setelah selesai penyiasatan, Jawatankuasa Penyiasatan hendaklah mengemukakan suatu laporan bersama-sama dengan cadangan, jika ada, kepada Lembaga atau Jawatankuasa Tatatertib untuk pertimbangan.

Jawatankuasa Tatatertib (DC)

Jawatankuasa Tatatertib hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut.

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah merupakan seorang Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan;
- (b) seorang Jurutera Profesional yang berdaftar; dan
- (c) seorang Jurutera Profesional dengan Perakuan Amalan.

The functions of the Board under Section 4 of the Registration of Engineers Act (REA) 1967 among others are :

- (a) to hear and determine disputes relating to professional conduct or ethics of registered Persons or to appoint a committee or arbitrator or arbitrators to hear and determine such disputes,

Under such power, the Board has set up:

- (i) Investigating Committee (IC) under Section 24B,
- (ii) Disciplinary Committee (DC) under Section 14A and
- (iii) an Appeal Board under Section 20 of the REA.

The Investigating Committee (IC)

For each Prima Facie complaint received by the Board, an IC shall be formed comprising of a Chairman who shall be a registered Professional Engineer with Practising Certificate (PEPC) and two members, one of whom shall be a PEPC.

Upon completion of its investigation, the Investigating Committee shall submit a report together with its recommendations, if any, to the Board or Disciplinary Committee for its consideration.

The Disciplinary Committee (DC)

The Disciplinary Committee shall consist of the following members:

- (a) a Chairman who shall be a registered Professional Engineer with Practising Certificate;
- (b) a registered Professional Engineer; and
- (c) a registered Professional Engineer with Practising Certificate.

Terma Rujukan

- (a) hendaklah mengadakan perbicaraan terhadap mana-mana salah laku atau aduan terhadap mana-mana Orang berdaftar yang dirujuk kepadanya oleh Jawatankuasa Penyiasatan;
- (b) boleh membuat mana-mana atau apa-apa kombinasi perintah yang dinyatakan dalam seksyen 15 terhadap Orang berdaftar di bawah apa-apa keadaan yang dinyatakan dalam seksyen itu.

Lembaga Rayuan

Mana-mana jurutera yang tidak berpuas hati dengan perintah Jawatankuasa Tatatertib atau Lembaga yang dibuat di bawah subseksyen 15 (1A) atau 7A (5), boleh dalam masa 21 hari selepas diberitahu berkenaan penolakan, syarat, sekatan, pemotongan atau perintah, merayu kepada Lembaga Rayuan yang ditubuhkan di bawah seksyen 20 dan Lembaga Rayuan sesudah itu boleh membuat apa-apa perintah yang difikirkannya adil atau patut.

Lembaga Rayuan hendaklah terdiri daripada seorang Hakim Mahkamah Tinggi sebagai Pengerusi dan dua orang lain yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong.

Selepas mendengar rayuan itu Lembaga Rayuan boleh mengesahkan atau mengubah keputusan Lembaga atau Jawatankuasa Tatatertib. Keputusan Lembaga Rayuan adalah muktamad.

Terms of Reference

- (a) shall conduct hearings of any misconduct or complaint against any registered Person referred to it by the Investigating Committee;
- (b) may make any or any combination of the orders specified in section 15 against a registered Person under such circumstances as set out in that section.

Appeal Board

Any engineer who is not satisfied with an order of the Disciplinary Committee or Board made under subsection 15(1 A) or 7 A (5), may within twenty-one days of being notified of the refusal, conditions, restrictions, removal or order, appeal to the Appeal Board constituted under section 20 and the Appeal Board may thereupon make such orders as it may deem just or proper.

The Appeal Board shall consist of a Judge of the High Court as Chairman and two other persons appointed by the Yang di-Pertuan Agong.

The Appeal Board after hearing the appeal may confirm or vary the decision of the Board or Disciplinary Committee. The decision of the Appeal Board shall be final.

MEMASTIKAN KOMPETENSI JURUTERA PROFESIONAL

ENSURING THE COMPETENCY OF PROFESSIONAL ENGINEERS

PENGENALAN

Antara fungsi LJM melalui Akta Pendaftaran Jurutera (138) (Pindaan 2015) adalah bagi menyenggara suatu Daftar Jurutera Profesional bertanggungjawab bagi menyediakan “perkhidmatan kejuruteraan profesional”.

Rasional utama bagi daftar tersebut adalah untuk menetapkan dan mengekalkan standard yang tinggi dalam amalan kejuruteraan dan untuk mengawal selia dan menguatkuasakan standard tata kelakuan profesional yang diakuterima. Penetapan, penyenggaraan dan pengawalseliaan apa-apa standard dan tingkah laku profesional adalah bagi melindungi kepentingan awam serta keselamatan nyawa dan harta benda awam.

Selaras dengan prinsip-prinsip yang dinyatakan di atas dan mengikut peruntukan dalam Akta, calon-calon yang layak yang ingin berdaftar dengan Lembaga akan dikehendaki menduduki dan lulus Profesional Kompetensi Peperiksaan.

Format Peperiksaan Kecekapan Profesional

Ahli Lembaga, Lembaga Jurutera Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Lembaga Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Lembaga bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) (Akta 138). Ahli Lembaga juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia, Ahli Lembaga bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Jurutera Malaysia untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards Of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards Of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Jurutera Malaysia.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Lembaga.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Lembaga dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Jurutera Malaysia sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Lembaga Jurutera Malaysia atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Jurutera Malaysia memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Lembaga, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) (Akta 138), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang diperlukan untuk disimpan oleh Lembaga Jurutera Malaysia telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta 138.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Lembaga dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.


(NORLIZA BINTI MD. NURUDDIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
4 JULAI 2019



**PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA
LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA**

Kami **DATO' Ir. Dr. MEOR ABDUL AZIZ BIN HJ OSMAN** dan **Ir. SUNDRARAJ A/L A. KRISHNASAMY** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga, **LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Lembaga, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA** pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : **DATO' Ir. Dr. MEOR ABDUL AZIZ BIN HJ OSMAN**

JAWATAN : PRESIDEN

TARIKH : **03 JUL 2019**

TEMPAT : Kuala Lumpur, MALAYSIA

Bagi pihak Lembaga,



NAMA : **Ir. SUNDRARAJ A/L A. KRISHNASAMY**

JAWATAN : AHLI LEMBAGA

TARIKH : **03 JUL 2019**

TEMPAT : Kuala Lumpur, MALAYSIA

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA**

Saya, **Ir. SUHAIZAD BIN SULAIMAN** pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)

diakui oleh penama di atas)

KUALA LUMPUR
di **WILAYAH PERSEKUTUAN**

pada **03 JUL 2019**)



Di hadapan saya,



LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

Ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015)
(Akta 138)

PENYATA KEWANGAN

31 DISEMBER 2018

	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1.	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	
2.	PENYATA YANG DIPERTUA DAN SETIAUSAHA	
3.	PENYATA PERAKUAN BERKANUN	
4.	PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	1
5.	PENYATA PENDAPATAN	2
6.	PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI	3
7.	PENYATA ALIRAN TUNAI	4
8.	NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	5-15

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM Dinyatakan semula
ASET			
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	3	4,482,679	3,673,377
Kerja dalam pembangunan		120,000	755,496
JUMLAH ASET BUKAN SEMASA		4,602,679	4,428,873
ASET SEMASA			
Penghutang		1,243,128	334,163
Pelbagai penghutang	4	513,435	473,600
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	5	30,434,771	29,682,655
Tunai dan baki di bank		7,080,470	4,309,196
JUMLAH ASET SEMASA		39,271,804	34,799,614
JUMLAH ASET		43,874,483	39,228,487
EKUITI DAN LIABILITI			
EKUITI			
Dana terkumpul		36,103,898	32,774,413
Dana khas	6	8,456	18,456
JUMLAH EKUITI		36,112,354	32,792,869
LIABILITI			
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Gantian cuti rehat	7	200,020	-
JUMLAH LIABILITI BUKAN SEMASA		200,020	-
LIABILITI SEMASA			
Pemiutang		690,705	127,940
Pelbagai pemiutang	8	1,972,475	2,855,314
Terimaan terdahulu yuran tahunan dan akreditasi		4,791,399	3,449,650
Peruntukan cukai		86,873	2,714
Gantian cuti rehat	7	20,657	-
JUMLAH LIABILITI SEMASA		7,562,109	6,435,618
JUMLAH LIABILITI		7,762,129	6,435,618
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		43,874,483	39,228,487

Nota-nota di muka surat 5 hingga 15 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	2018 RM	2017 RM Dinyatakan semula
PENDAPATAN			
Yuran pendaftaran, pemprosesan dan tahunan	9	8,328,497	7,759,092
Faedah simpanan tetap		1,051,727	1,281,235
Faedah simpanan semasa		24,224	27,311
Seminar dan forum		175,600	73,250
Lain-lain pendapatan		217,680	180,819
Risalah dan buletin		49,361	37,775
Lebihan pendapatan Majlis Akreditasi Kejuruteraan	10	718,372	-
Lebihan pendapatan Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan	11	241,286	137,304
		10,806,747	9,496,786
PERBELANJAAN			
Emolumen		3,187,321	3,003,245
ISO perundingan		6,724	36,887
Kursus, seminar dan forum		2,471,721	2,482,867
Majlis Akreditasi		116,400	1,342,374
Pengangkutan dan perjalanan		9,359	8,620
Penyelenggaraan dan pembaikan		4,730	817,645
Perbelanjaan-perbelanjaan lain		208,721	378,357
Perkhidmatan ikhtisas dan hospitaliti		95,457	126,761
Perhubungan dan utiliti		758,611	764,992
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3	232,771	138,653
Kurangan pendapatan Majlis Akreditasi Kejuruteraan	11	-	431,460
		(7,091,815)	(9,531,861)
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		3,714,932	(35,075)
Cukai	12	(385,447)	(157,008)
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN SELEPAS CUKAI		3,329,485	(192,083)

Nota-nota di muka surat 5 hingga 15 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

	Nota	Dana terkumpul RM	Dana khas RM	Jumlah RM
		Dinyatakan semula		
Pada 1 Januari 2017				
Seperti yang dinyatakan sebelumnya		33,081,810	168,456	33,250,266
Pelarasan tahun sebelumnya	15	(115,314)	-	(115,314)
		32,966,496	168,456	33,134,952
Kurangan pendapatan selepas cukai				
Seperti yang dinyatakan sebelumnya		(134,425)	-	(134,425)
Pelarasan tahun sebelumnya	15	(57,658)	-	(57,658)
		(192,083)	-	(192,083)
Pengurangan dana khas		-	(150,000)	(150,000)
Pada 31 Disember 2017		32,774,413	18,456	32,792,869
Pada 1 Januari 2018		32,774,413	18,456	32,792,869
Lebih pendapatan bagi tahun kewangan		3,329,485	-	3,329,485
Pengurangan dana khas		-	(10,000)	(10,000)
Pada 31 Disember 2018		36,103,898	8,456	36,112,354

Nota-nota di muka surat 5 hingga 15 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

		2018 RM	2017 RM Dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DIHASILKAN DARIPADA/(DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI OPERASI			
Lebihan/(Kurangan) pendapatan sebelum cukai		3,714,932	(35,075)
Pelarasan bagi:			
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	3	258,634	166,553
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan		3,941	-
Faedah simpanan tetap		(1,051,727)	(1,281,235)
Faedah akaun semasa		(24,224)	(27,311)
Lebihan/(Kurangan) pendapatan operasi sebelum perubahan modal kerja		<u>2,901,556</u>	<u>(1,177,068)</u>
(Penambahan)/Kurangan penghutang		(908,967)	366,880
Penambahan pelbagai penghutang		(39,835)	(356,027)
Penambahan/(Kurangan) pemiutang		562,767	127,940
Kurangan pelbagai pemiutang		(882,839)	(728,190)
Penambahan gantian cuti rehat		220,677	-
Penambahan terimaan terdahulu yuran tahunan		<u>1,341,749</u>	<u>1,781,284</u>
Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi		3,195,108	14,819
Cukai dibayar		<u>(301,288)</u>	<u>(463,308)</u>
Tunai Bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti operasi		<u>2,893,820</u>	<u>(448,489)</u>
ALIRAN TUNAI DIHASILKAN DARIPADA/(DIGUNAKAN DALAM) AKTIVITI PELABURAN			
Kerja dalam pembangunan		635,496	(755,496)
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	3	(1,071,877)	(836,827)
Faedah simpanan tetap		1,051,727	1,281,235
Faedah akaun semasa		24,224	27,311
Tunai bersih dihasilkan daripada/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan		<u>639,570</u>	<u>(283,777)</u>
ALIRAN TUNAI DIGUNAKAN DALAM AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Penyaluran sumbangan kepada institusi pengajian tinggi		(10,000)	(150,000)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pembiayaan		<u>(10,000)</u>	<u>(150,000)</u>
Penambahan/(Pengurangan) dalam tunai dan kesetaraan tunai		3,523,390	(882,266)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun kewangan		33,991,851	34,874,117
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun kewangan		<u>37,515,241</u>	<u>33,991,851</u>
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:			
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen		30,434,771	29,682,655
Tunai dan baki di bank		<u>7,080,470</u>	<u>4,309,196</u>
		<u>37,515,241</u>	<u>33,991,851</u>

Nota-nota di muka surat 5 hingga 15 adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT AM

Lembaga Jurutera Malaysia adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang diperbadankan di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) (Akta 138). Fungsi-fungsi utama Lembaga Jurutera Malaysia menurut Akta 138 adalah seperti berikut:

- a) menyimpan dan menyelenggara daftar.
- b) meluluskan atau menolak permohonan pendaftaran di bawah Akta 138 atau meluluskan mana-mana permohonan yang tertakluk kepada apa-apa sekatan yang difikirkan patut dikenakan.
- c) memerintah pengeluaran amaran bertulis atau teguran, pengenaan denda, penggantungan, pembatalan, penyingkiran atau kemasukan semula menurut Bahagian III dan IV.
- d) menetapkan kadar yuran dari semasa ke semasa dengan kelulusan Menteri yang dikenakan oleh Jurutera berdaftar dan amalan perundingan kejuruteraan untuk perkhidmatan professional kejuruteraan yang diberikan itu.
- e) bertindak sebagai pihak berkepentingan dalam suatu kontrak untuk perkhidmatan kejuruteraan profesional, apabila diminta.
- f) mengambil kerja mana-mana orang, sebagaimana yang difikirkannya perlu, untuk membantu Lembaga Jurutera Malaysia dalam menjalankan fungsi, kuasa dan kewajipan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan olehnya.
- g) menyediakan kemudahan untuk promosi pembelajaran dan pendidikan dan untuk memegang atau menyebabkan diadakan program pembangunan profesional, termasuk meneruskan program pembangunan profesional, bagi orang yang berdaftar untuk meningkatkan lagi pengetahuan mereka dalam perkembangan terkini berkaitan dengan profesion itu.
- h) melantik satu jawatankuasa yang terdiri daripada orang yang akan ditentukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia:
 - untuk menjalankan peperiksaan penilaian profesional untuk tujuan kemasukan sebagai jurutera profesional; atau
 - untuk menjalankan peperiksaan kompetensi profesional untuk tujuan pengeluaran sijil amalan kepada jurutera profesional.
- i) melantik mana-mana orang untuk mewakili Lembaga Jurutera Malaysia dalam mana-mana jawatankuasa, panel atau institusi, di mana orang yang kemudiannya akan membuat cadangan kepada Lembaga Jurutera Malaysia tentang semua perkara mengenai kelayakan untuk kemasukan ke profesion.
- j) melantik sebuah badan seperti Majlis Akreditasi yang terdiri daripada ahli-ahli dari Lembaga Jurutera Malaysia, jurutera profesional dan lain-lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga Jurutera Malaysia untuk menasihati kerajaan dan orang ramai mengenai perkara-perkara yang berhubungan dengan pendidikan kejuruteraan, termasuk pensijilan program tersebut.
- k) menyebabkan peperiksaan yang akan dikendalikan oleh sebuah institusi yang diiktiraf oleh lembaga bagi tujuan kemasukan ke profesion.
- l) menentukan dan mengawal tata kelakuan atau kesusilaan profession kejuruteraan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

1. MAKLUMAT AM (bersambung)

- m) semua pendapatan hasil daripada Akta ini digunakan untuk membiayai perbelanjaan pendaftaran Akta ini, perbelanjaan pentadbiran Akta ini, penyediaan biasiswa berkaitan kejuruteraan, perbelanjaan promosi pembelajaran serta pendidikan berkaitan kejuruteraan dan termasuk apa-apa perbelanjaan Lembaga yang boleh dibenarkan di bawah mana-mana peraturan dibuat di bawah Akta ini.

Pada tahun 2000, Lembaga Jurutera Malaysia telah menubuhkan Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) selaras dengan Seksyen 4(1)(ef) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) (Akta 138) atau Perkara 1.j untuk menjalankan fungsi pengakreditasi ijazah kejuruteraan bagi institusi pengajian tinggi di Malaysia. EAC terdiri daripada wakil-wakil Lembaga Jurutera Malaysia, Institusi Jurutera Malaysia (IEM), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)-dahulu dikenali sebagai Lembaga Akreditasi Negara dan Jabatan Perkhidmatan Awan (JPA). EAC memastikan bahawa melalui proses akreditasi, kualiti graduan tempatan dapat dipertingkatkan setanding dengan negara-negara penandatangan Washington Accord seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Japan, Australia dan Korea. Program yang diiktiraf ini diletakkan di dalam Daftar EAC dan MQA.

Dengan pindaan kepada Akta Pendaftaran Jurutera 1967 pada tahun 2015, Lembaga Jurutera Malaysia telah menubuhkan ETAC dengan Ahli Jawatankuasa seramai 21 ahli majlis yang terdiri daripada tujuh kumpulan (wakil Lembaga Jurutera Malaysia, persatuan berasaskan pendidikan, industri/majikan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), Kementerian dan wakil awam) sebagai satu-satunya badan akreditasi yang diiktiraf untuk ijazah teknologi kejuruteraan, diploma kejuruteraan dan program diploma teknologi kejuruteraan yang ditawarkan di Malaysia.

Pejabat berdaftar Lembaga Jurutera Malaysia adalah di Tingkat 11 dan 17 Blok F, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Jalan Sultan Salahuddin, 50580 Kuala Lumpur, Malaysia. Pejabat berdaftar EAC dan ETAC pula adalah di Tingkat 9, Kelana Park View Tower, No. 1, Jalan SS 6/2, Kelana Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Malaysia.

Penyata kewangan Lembaga Jurutera Malaysia bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 ini telah diluluskan oleh Ahli Lembaga melalui resolusi pada 3 Julai 2019.

2. DASAR PERAKAUNAN

2.1 Asas perakaunan

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut Akta 138 dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS) yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB).

Akaun-akaun ini telah disediakan menurut konvensyen kos sejarah.

2.2 Pengiktirafan pendapatan

Pendapatan diiktiraf sehingga tahap yang ia berkemungkinan bahawa manfaat ekonomi akan mengalir kepada Lembaga dan pendapatan boleh dikira dengan betul. Kriteria pengiktirafan khusus hendaklah juga dipenuhi sebelum hasil diiktiraf:

(a) Yuran

Yuran pendaftaran, pemprosesan, tahunan, pendaftaran semula dan akreditasi direkod pada masa ianya diterima dan diiktiraf atas dasar terakru.

(b) Pendapatan faedah dan sewa

Faedah atas simpanan tetap diterima bagi tahun semasa diiktiraf atas dasar terakru.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR PERAKAUNAN (bersambung)

2.3 Hartanah, loji, peralatan dan susut nilai

Pengendalian aset bersih yang digunakan untuk jangka masa yang lebih lama dalam pengeluaran perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan.

Semua hartanah, loji dan peralatan adalah pada mulanya diukur pada kos. Bagi aset yang telah dibeli, kos terdiri daripada harga belian dan ditambah dengan semua kos yang berkaitan dengan harga yang ditanggung untuk membawa aset ke lokasi dan keadaan semasa untuk tujuan penggunaan pihak pengurusan.

Semua hartanah, loji dan peralatan kemudiannya diukur pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian kemerosotan terkumpul.

Semua hartanah, loji dan peralatan lain disusut nilai dengan memperuntukkan jumlah yang boleh disusut nilai komponen penting atau sesuatu item sepanjang baki hayat berguna. Kaedah susut nilai yang digunakan dan hayat kegunaan kelas hartanah, loji dan peralatan adalah:

Aset bukan semasa	Kaedah	Jangka hayat
Bangunan milik bebas	Garis lurus	50 tahun
Peralatan pejabat	Garis lurus	10 tahun
Perabot dan kelengkapan	Garis lurus	10 tahun
Peralatan komputer	Garis lurus	3 tahun
Pengubahsuaian	Garis lurus	10 tahun
Kenderaan bermotor	Garis lurus	5 tahun

2.4 Tunai dan kesetaraan tunai

Tunai terdiri daripada tunai dan baki di bank sementara kesetaraan tunai adalah terdiri daripada simpanan tetap di institusi kewangan berlesen yang boleh ditukar kepada wang tunai tanpa perubahan nilai yang ketara.

2.5 Nilai aset terjejas

Pada tarikh Lembaran Imbangan, Lembaga mengkaji semula nilai buku aset apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas.

Kejejasan ini dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun pemulihan semula aset. Amaun pemulihan semula aset adalah nilai lebih tinggi antara nilai bersih yang direalisasikan dan nilai penggunaannya, yang ditetapkan mengikut kaedah aliran tunai terdiskaun masa hadapan.

Kerugian di atas nilai aset terjejas akan dicajkan terus ke penyata pendapatan. Penambahan semula nilai berikutnya di dalam jumlah pemulihan semula aset akan diambil kira dengan pelarasan balik jumlah rugi kejejasan aset terdahulu dan hanya diambil kira sehingga nilai buku bersih aset yang telah ditetapkan di mana seolah-olah tiada rugi atas nilai aset terjejas yang telah dikenalpasti. Pelarasan semula kerugian nilai aset terjejas atas penilaian aset dikreditkan terus ke penyata pendapatan.

2.6 Instrumen kewangan

(a) Pengiktirafan awal dan pengukuran

Lembaga mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan (termasuk instrumen derivatif) dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila ia menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR PERAKAUNAN (bersambung)

2.6 Instrumen kewangan (bersambung)

- (b) Pada pengiktirafan awal, semua aset kewangan dan liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama, yang pada umumnya adalah harga transaksi, ditambah dengan kos transaksi jika aset kewangan atau liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian. Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui keuntungan atau kerugian, kos urus niaga dibelanjakan untuk keuntungan atau kerugian apabila ditanggung.

(i) Pelbagai penghutang

Pelbagai penghutang dinyatakan pada nilai boleh direalisasikan dijangka. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan semakan ke atas semua jumlah belum jelas pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(ii) Pelbagai pemiutang

Pelbagai pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan untuk dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan diterima. Terdiri daripada deposit am, peruntukan dan akruan, dan penghutang lain yang bertujuan melancarkan operasi tahun semasa dalam menjalankan fungsi-fungsi seperti Nota 1.

(iii) Terimaan terdahulu yuran tahunan dan akreditasi

Terima terdahulu yuran tahunan dan akreditasi diiktiraf atas asas akruan.

2.7 Percukaian

Secara umumnya, Lembaga merupakan sebuah organisasi yang bukan berlandaskan keuntungan dan punca pendapatan utamanya merupakan yuran pendaftaran dan yuran tahunan. Bagaimanapun, Lembaga juga mempunyai punca pendapatan yang lain seperti hasil faedah di mana ianya tidak tergolong di dalam pengecualian menurut Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 4) 2003.

2.8 Manfaat kakitangan

Lembaga mengiktiraf liabiliti apabila pekerja telah menyediakan perkhidmatan sebagai pertukaran untuk manfaat pekerja yang akan dibayar pada masa akan datang dan perbelanjaan apabila Lembaga menggunakan manfaat ekonomi yang timbul daripada perkhidmatan yang disediakan oleh pekerja sebagai pertukaran untuk faedah pekerja.

(a) Manfaat kakitangan jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun tertentu, di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan. Ketakhadiran diberi pampasan jangka pendek terkumpul seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan keberhakan mereka kepada ketakhadiran diberi pampasan masa hadapan, dan ketakhadiran diberi pampasan jangka pendek bukan terkumpul seperti cuti sakit diiktiraf apabila ketakhadiran berlaku.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

2. DASAR PERAKAUNAN (bersambung)

2.8 Manfaat kakitangan (bersambung)

(b) Manfaat kakitangan jangka panjang

(i) Pelan caruman tetap

Caruman yang dibuat kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila urusanniaga berlaku.

(ii) Gantian cuti rehat

Gantian cuti rehat diakru sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan dan liabiliti manfaat kakitangan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Jumlah maksimum gantian cuti rehat ialah 150 hari.

2.9 Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kewangan apabila Lembaga menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Pada awal pengiktirafan, liabiliti kewangan adalah diukur pada harga urusanniaga, termasuk kos urusanniaga untuk liabiliti kewangan tidak diukur pada nilai saksama menerusi keuntungan atau kerugian yang terlibat secara langsung di dalam urusanniaga aset kewangan.

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2018 Kos	Pada 1.1.2018 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	Pada 31.12.2018 RM
Lembaga Jurutera Malaysia				
- Bangunan milik bebas	2,882,884	-	-	2,882,884
- Peralatan pejabat	716,327	120,969	(68,363)	768,933
- Perabot dan kelengkapan	617,989	283,611	(54,830)	846,770
- Peralatan komputer	928,710	129,335	(531,280)	526,765
- Pengubahsuaian	345,221	537,962	(239,516)	643,667
- Kenderaan bermotor	6,264	-	-	6,264
	5,497,395	1,071,877	(893,989)	5,675,283
Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)				
- Peralatan komputer	136,448	-	(8,758)	127,690
- Peralatan pejabat	83,415	-	(31,724)	51,691
- Pengubahsuaian	175,335	-	(175,335)	-
- Perabot dan kelengkapan	4,800	-	(4,800)	-
- Kenderaan bermotor	6,623	-	-	6,623
	406,621	-	(220,617)	186,004
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)				
- Peralatan komputer	13,400	-	-	13,400
	5,917,416	1,071,877	(1,114,606)	5,874,687

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

3. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (bersambung)

2018 Kos	Pada 1.1.2018 RM	Tambahan RM	Pelupusan RM	Pada 31.12.2018 RM
	Dinyatakan semula			
Susut nilai terkumpul				
Lembaga Jurutera Malaysia	172,973	57,658	-	230,631
- Bangunan milik bebas	331,387	49,053	(68,248)	312,192
- Peralatan pejabat	248,606	50,289	(52,093)	246,802
- Perabot dan kelengkapan	831,778	37,871	(531,186)	338,463
- Peralatan komputer	300,837	36,648	(239,491)	97,994
- Pengubahsuaian	5,011	1,252	-	6,263
- Kenderaan bermotor	1,890,592	232,771	(891,018)	1,232,345
Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)	104,032	17,106	(8,753)	112,385
- Peralatan komputer	65,072	2,933	(31,720)	36,285
- Peralatan pejabat	175,334	-	(175,334)	-
- Pengubahsuaian	3,360	480	(3,840)	-
- Perabot dan kelengkapan	3,974	1,324	-	5,298
- Kenderaan bermotor	351,772	21,843	(219,647)	153,968
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)	1,675	4,020	-	5,695
- Peralatan komputer	2,244,039	258,634	(1,110,665)	1,392,008

Nilai bawaan

	2018 RM	2017 RM Dinyatakan semula
Lembaga Jurutera Malaysia	2,652,253	2,709,911
- Bangunan milik bebas	456,741	384,940
- Peralatan pejabat	599,968	369,383
- Perabot dan kelengkapan	188,302	96,932
- Peralatan komputer	545,673	44,384
- Pengubahsuaian	1	1,253
- Kenderaan bermotor	4,442,938	3,606,803
Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC)	15,305	32,416
- Peralatan komputer	15,406	18,343
- Peralatan pejabat	-	1
- Pengubahsuaian	-	1,440
- Perabot dan kelengkapan	1,325	2,649
- Kenderaan bermotor	32,036	54,849
Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)	7,705	11,725
- Peralatan komputer	4,482,679	3,673,377

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

4. PELBAGAI PENGHUTANG

	2018 RM	2017 RM
Pinjaman kakitangan	-	3,370
Pelbagai deposit am	14,182	14,182
Pembayaran terdahulu	13,000	5,639
Faedah terakru	439,218	300,233
Penghutang lain	47,035	150,176
	513,435	473,600

5. SIMPANAN TETAP DI INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

Kadar faedah efektif boleh terima bagi simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen ialah di antara 3.10% hingga 4.05% (2017: 2.90% hingga 3.65%) setahun. Tempoh pemegangan simpanan tetap ialah antara 30 hari hingga 2 tahun (2017: 30 hari hingga 2 tahun).

6. DANA KHAS

Dana Khas merupakan lebih pendapatan yang diterima bagi tujuan membiayai perbelanjaan kursus dan program-program khusus yang diluluskan oleh pihak Lembaga dan akan dilunaskan terus ke akaun geran ini bagi sebarang perbelanjaan yang berlaku.

7. GANTIAN CUTI REHAT

	2018 RM	2017 RM
Baki pada 1 Januari	-	-
Peruntukan tahun semasa	220,677	-
	220,677	-
Gantian cuti rehat dilunaskan	-	-
Baki pada 31 Disember	220,677	-
	220,677	-
Dianalisa sebagai:		
Gantian cuti rehat jangka pendek	20,657	-
Gantian cuti rehat jangka panjang	200,020	-
	220,677	-

8. PELBAGAI PEMIUTANG

	2018 RM	2017 RM
Bayaran juruaudit	28,205	30,325
Bayaran jurucukai	5,000	5,000
Deposit dipegang	1,070,236	2,171,777
Peruntukan dan terakru	863,793	551,503
Pemiutang lain	5,241	96,709
	1,972,475	2,855,314

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

9. YURAN-YURAN

	2018 RM	2017 RM
Pendaftaran		
Yuran pendaftaran - milikan tunggal (SP) dan perkongsian (PN)	13,375	16,875
Yuran pendaftaran - pemeriksa bertauliah (AC)	1,000	1,450
Yuran pendaftaran - pertubuhan perbadanan (BC)	32,000	42,000
Yuran pendaftaran - jurutera professional (PE)	39,555	152,530
Yuran pendaftaran - pelbagai bidang (MD)	3,500	1,000
Yuran pendaftaran - pemeriksa tapak (IOW)	166,105	45,200
Yuran pendaftaran - PEPC	7,600	21,400
Yuran jurutera siswazah	886,635	583,019
Yuran peperiksaan (PAE)	83,400	109,800
Yuran peperiksaan (PCE)	209,000	165,400
Yuran teknologi kejuruteraan	119,900	95,700
Yuran penambahan bidang	1,700	2,000
	1,763,770	1,236,374
Pemprosesan		
Yuran pemprosesan pemegang amanah	6,000	8,000
Yuran pemprosesan - milikan tunggal (SP) dan perkongsian (PN)	3,750	3,350
Yuran pemprosesan - pemeriksa bertauliah (AC)	250	400
Yuran pemprosesan - jurutera sementara (TPE)	-	100
Yuran pemprosesan - pertubuhan perbadanan (BC)	2,250	2,800
Yuran pemprosesan - jurutera professional (PE)	61,300	35,000
Yuran pemprosesan - pelbagai bidang (MD)	200	50
Yuran pemprosesan - pemeriksa tapak (IOW)	240,550	59,625
Yuran pemprosesan - jurutera professional asing (RFPE)	-	600
Yuran pemprosesan - PCE	22,400	18,600
Yuran pemprosesan - PEPC	1,900	5,450
	338,600	133,975
Tahunan		
Yuran tahunan - milikan tunggal (SP) dan perkongsian (PN)	385,040	392,300
Yuran tahunan - pemeriksa bertauliah (AC)	3,800	3,400
Yuran tahunan - pertubuhan perbadanan (BC)	1,053,925	1,043,250
Yuran tahunan - jurutera professional (PE)	393,076	282,400
Yuran tahunan - pelbagai bidang (MD)	43,000	45,000
Yuran tahunan - jurutera professional asing (RFPE)	500	600
Yuran tahunan - pemeriksa tapak (IOW)	300	180
Yuran tahunan - PEPC	3,812,922	4,041,438
	5,692,563	5,808,568
Pendaftaran semula		
Yuran pendaftaran semula - milikan tunggal (SP) dan perkongsian (PN)	104,200	69,275
Yuran pendaftaran semula - pemeriksa bertauliah (AC)	-	2,900
Yuran pendaftaran semula - pertubuhan perbadanan (BC)	72,600	138,650
Yuran pendaftaran semula - jurutera professional (PE)	121,850	127,950
Yuran pendaftaran semula - pelbagai bidang (MD)	12,100	6,050
Yuran pendaftaran semula - pemeriksa tapak (IOW)	540	-
Yuran pendaftaran semula - PEPC	222,274	235,350
	533,564	580,175
	8,328,497	7,759,092

LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA
Ditubuhkan dibawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

10. MAJLIS AKREDITASI KEJURUTERAAN (EAC)

Lembaga telah mengasingkan akaun Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC) bagi tujuan mengenalpasti pendapatan khusus termasuk geran kerajaan (sekiranya ada) dan perbelanjaan khusus bagi Lembaga Jurutera Malaysia menjalankan fungsinya di dalam Seksyen 4(1)(ef) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) (Akta 138) atau Perkara 1.j.

	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN		
Yuran akreditasi	2,164,000	1,183,200
Lain-lain pendapatan	171,210	220,693
	2,335,210	1,403,893
PERBELANJAAN		
Air dan elektrik	7,666	6,533
Alat tulis dan percetakan	27,550	33,831
Caruman KWSP dan PERKESO	99,902	118,946
Caj bank	1,185	1,041
Cukai pintu dan tanah	12,589	15,319
Elaun mesyuarat	58,500	53,700
Elaun pengarah dan pegawai	77,000	84,000
Gaji, elaun dan bonus	608,628	741,052
Ganjaran juruaudit	9,000	9,270
Insuran	8,820	9,858
Kebajikan kakitangan	2,000	26,181
Mesyuarat dan keraian	29,564	29,554
Pengangkutan	7,594	7,558
Penyelenggaraan pejabat	94,866	154,246
Penyelenggaraan kenderaan	893	38
Penyelenggaraan komputer	27,819	43,546
Perbelanjaan akreditasi	489,909	431,745
Perbelanjaan latihan, bengkel dan seminar	1,895	14,136
Perbelanjaan lain- lain	6,633	8,455
Perubatan	2,583	3,058
Pos, telefon dan internet	19,429	16,750
Risalah dan buletin	-	312
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 3)	21,843	26,224
Pelupusan hartanah, loji dan peralatan	970	-
	(1,616,838)	(1,835,353)
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN	718,372	(431,460)

11. MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (ETAC)

Lembaga telah mengasingkan akaun Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC) bagi tujuan untuk mengenalpasti pendapatan khusus termasuk geran kerajaan (sekiranya ada) dan perbelanjaan khusus bagi Lembaga Jurutera Malaysia menjalankan fungsinya di dalam Seksyen 4(1)(ef) Akta Pendaftaran Jurutera 1967 (Pindaan 2015) (Akta 138) atau Perkara 1.j.

	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN		
Yuran akreditasi	907,800	64,400
Bantuan dari Lembaga Jurutera Malaysia	-	1,277,974
Lain-lain pendapatan	288,500	5,000
	1,196,300	1,347,374

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

11. MAJLIS AKREDITASI TEKNOLOGI KEJURUTERAAN (ETAC) (bersambung)

	2018 RM	2017 RM
PERBELANJAAN		
Air dan elektrik	3,292	2,740
Alat tulis dan percetakan	10,355	14,573
Caruman KWSP dan PERKESO	22,324	16,524
Caj bank	364	185
Cukai pintu dan tanah	5,395	-
Elaun mesyuarat	51,900	57,300
Elaun pengarah dan pegawai	48,000	48,000
Gaji, elaun dan bonus	196,005	167,432
Ganjaran juruaudit	5,000	2,500
Hadiah dan cenderahati	-	1,320
Insuran	2,514	2,066
Kebajikan kakitangan	800	4,000
Mesyuarat dan keraian	35,864	54,112
Pengangkutan	-	146
Penyelenggaraan pejabat	43,174	3,120
Penyelenggaraan komputer	-	160
Perbelanjaan akreditasi	512,161	801,580
Perbelanjaan latihan, bengkel dan seminar	485	4,077
Perbelanjaan lain- lain	3,133	21,854
Perubatan	1,083	750
Pos, telefon dan internet	9,145	5,956
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan (Nota 3)	4,020	1,675
	(955,014)	(1,210,070)
LEBIHAN PENDAPATAN	241,286	137,304

12. CUKAI

	2018 RM	2017 RM
Lebihan/(Kurangan) Peruntukan tahun lepas	92,669	(92,792)
Peruntukan tahun semasa	292,778	249,800
	385,447	157,008

Kadar cukai yang dikenakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri terhadap pendapatan bercukai adalah RM 237,650 bagi RM 1,000,000 terawal dan 28% ke atas baki pendapatan bercukai (2017: RM 238,650 bagi RM 1,000,000 terawal dan 28% ke atas baki pendapatan bercukai).

13. KOMITMEN MODAL DAN PERBELANJAAN MODAL

	2018 RM	2017 RM
Perbelanjaan modal yang telah diluluskan oleh Lembaga dan dikontrakkan	600,000	1,000,000
Belanja setakat 31 Disember	(120,000)	(921,670)
	480,000	78,330

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

14. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

	2018 RM	2017 RM
Gaji pihak pengurusan	216,559	296,129

15. PELARASAN TAHUN SEBELUM

Pada tahun sebelumnya, Lembaga telah terkurang catat bagi transaksi susut nilai hartanah, loji dan peralatan bermula dari tahun berakhir 31 Disember 2015 sehingga 31 Disember 2017. Kesilapan tersebut telah diselaraskan dan memberi kesan kepada Penyata Kedudukan Kewangan dan Penyata Pendapatan Lembaga seperti dinyatakan di bawah:

	Seperti tahun sebelumnya RM	Pelarasan RM	Dinyatakan semula RM
Penyata Kedudukan Kewangan			
Hartanah, loji dan peralatan	3,846,350	(172,973)	3,673,377
Dana terkumpul	33,081,810	(115,316)	2,774,413
Penyata Pendapatan			
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	80,996	57,657	138,653



LEMBAGA JURUTERA MALAYSIA

TINGKAT 11 & 17, BLOK F
IBU PEJABAT JKR
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50580 KUALA LUMPUR

TEL : +603-26912090
FAX : +603-26925017
EMAIL : ENQUIRY@BEM.ORG.MY
LAMAM WEB : WWW.BEM.ORG.MY